

Pengurusan kewangan berhemah

Sistem audit akan ditambah baik elak pemborosan dan penyelewengan agensi kerajaan

Oleh Abg Ismail Abg Su'ud

BINTULU: Jabatan Audit Negara akan menambah baik sistemnya bagi memastikan tidak berlaku pemborosan, pembaziran dan penyelewengan dalam pengurusan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan, kata Ketua Audit Negara Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang.

Justeru Ambrin berkata, pihaknya akan menjalankan usaha berterusan untuk menambah baik sistem penyampaian, urusan kewangan, pegawai-pegawai kerajaan serta ke atas projek-projek pembangunan yang dalam rancangan pembangunan kerajaan di negara ini.

"Kita berfungsi membantu agensi-agensi kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih akauntibiliti dan berintegriti," ujarnya dalam majlis pembukaan rasmi Jabatan Audit Negara Cawangan Bintulu di Wisma Residen semalam.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi peruntukan secara berterusan setiap tahun kepada agensi kerajaan di negara



RASMI: Ambrin menandatangani plakat sebagai simbolik perasmian Jabatan Audit Negara Cawangan Bintulu.

ini untuk pengurusan pembangunan, maka pengurusan peruntukan itu perlu sentiasa dipantau supaya ia dipergunakan dengan sebaiknya dan memenuhi keperluan rakyat.

"Sebagai rakan kepada agensi-agensi kerajaan, Jabatan Audit Negara menyempurnakan tugasnya untuk memastikan wang kerajaan dan rakyat yang diperuntukkan itu dibelanjakan penuh berhemah dan bertanggung-

jawab," jelasnya.

Ambrin berkata, dengan sejumlah satu juta penjawat awam di negara ini sudah tentu ada berlaku kelemahan dan kekurangan dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

Sambil menjelaskan mengenai beberapa kes berkaitan sebelum ini, beliau berkata: "Kes-kes itu seharusnya dijadikan pengajaran dan iktibar dengan memperbetulkan kelemahan yang dikenal pasti

“Sebagai rakan kepada agensi-agensi kerajaan, Jabatan Audit Negara menyempurnakan tugasnya untuk memastikan wang kerajaan dan rakyat yang diperuntukkan itu dibelanjakan penuh berhemah dan bertanggungjawab.”

Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang
Ketua Audit Negara

melalui tindakan oleh pihak audit."

Jelasnya, tanggungjawab pihaknya pada dasarnya sama dengan kerajaan yang ada iaitu untuk membanteras 3P (pembaziran, pemborosan dan penyelewengan).

"Begitu juga dalam pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang perlu dipantau dan mempunyai matlamat tertentu iaitu untuk membela nasib rakyat, menaik taraf hidup rakyat dan membangunkan negeri," katanya.

Menurutnya, pihaknya dan agensi kerajaan berkaitan memang berharap mengurangkan kes yang boleh menimbulkan unsur negatif dengan

memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan membawa faedah kepada rakyat.

"Kita akan melihat kepada kelemahan melalui pantauan ke atas projek-projek yang dibangunkan di negara ini, umpamanya kesan daripada projek yang telah siap dibangunkan tetapi tidak digunakan," katanya.

Berikutan itu katanya, segala tindakan yang dibuat adalah tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan dalam pembangunan negara ini.

"Bagi kita harapan penduduk sentiasa diberi penekanan dengan memastikan agensi pelaksana pembangunan lebih akauntibiliti," katanya.

Sementara itu Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak Khalid Khan Abdullah Khan berkata, dengan mewujudkan pejabat cawangan Audit di Bintulu ia akan memudahkan pihaknya memfokus kepada 37 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Persekutuan, 17 PTJ Negeri, masing-masingnya satu badan berkanun persekutuan dan badan berkanun negeri serta beberapa syarikat kerajaan.

"Menempatkan pejabat cawangan Audit di Wisma Residen di sini juga akan membantu mendekatkan dengan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri dalam aspek pengurusan kewangan di sini," katanya sambil menambah ia diharap akan berjaya mengesan akauntibiliti audit kawasan Bintulu.

Selain Jabatan Audit Negara di Bintulu, dua cawangan lainnya masing-masingnya di Sibu dan Miri, manakala ibu pejabatnya di Kuching.

Timbalan Jabatan Audit Negara negeri Sarawak Anwari Suri, Setiausaha Persekutuan Sarawak Yahya Basimin, Pegawai

Daerah Bintulu Bujang Budin adalah antara yang hadir dalam taklimat berkenaan.